

223

SINAR HARIAN

4


KSM cadang SPKM sebagai persijilan tunggal TVET

RAJAYA - Kementerian Sumber Usia (KSM) mencadangkan Sistem Ijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) didikan sebagai persijilan tunggal didikan dan Latihan Teknikal dan asional (TVET) negara. Menteri, V Sivakumar berkata, itu perlu ekoran kecelaruan pesanaan TVET di Malaysia yang berca daripada kewujudan pelbagai sijilan TVET yang diakreditasi dua agensi kawal selia iaitu Jabatan bangunan Kemahiran (JPK) dan nsi Kelayakan Malaysia (MQA). Sehubungan itu, katanya adalah ar agar SPKM yang berasaskan andard Kemahiran Pekerjaan

Kebangsaan (NOSS) di bawah kawal selia JPK ditetapkan sebagai persijilan tunggal TVET negara untuk semua program TVET Tahap Satu hingga Lima dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

"Penyeragaman program TVET Tahap Satu hingga Lima berasaskan SPKM dalam MQF akan menjadi satu wadah baharu dalam memperkasakan TVET negara," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 KSM di sini pada Jumaat.

Sivakumar dalam pada itu berkata,



SIVAKUMAR

Jabatan Tenaga Manusia (JTM) perlu menilai semula kursus-kursus yang ditawarkan agar ia menepati keperluan semasa industri supaya tidak wujud sindrom ketakpadanan.

"Kursus-kursus yang ditawarkan perlu ditambah baik dengan elemen-elemen digitalisasi, automasi dan lain-lain yang selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0," katanya.

Sivakumar dalam kenyata-an pada Khamis memaklumkan Jemaah Menteri pada 7 Disember lepas membuat keputusan untuk memindahkan fungsi

Sekretariat Majlis TVET Negara kepada KSM yang dahulunya di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

Berikutan keputusan Jemaah Menteri itu, Sivakumar berkata, KSM akan menggunakan kesempatan itu untuk memartabatkan imej TVET negara.

"KSM perlu mengetuai inisiatif untuk memberikan imej baharu kepada TVET supaya TVET tidak lagi dilihat sebagai pilihan kedua atau pilihan alternatif," katanya.

Pada majlis itu, Sivakumar turut mengumumkan Pelan Strategik KSM 2023-2025 yang merangkumi lima teras strategik. - Bernama